



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SOALAN LAZIM (FAQ)

PENUTUPAN SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN DI KAWASAN ZON MERAH

A. PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN

- 1. Siapakah yang mengeluarkan surat arahan penutupan sekolah/institusi pendidikan sekiranya sesuatu kawasan disahkan sebagai zon merah oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)?**

Pengumuman penutupan akan dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Arahan selanjutnya akan dikeluarkan oleh Pendaftar Negeri untuk sekolah/Institusi pendidikan termasuk Institut Pendidikan Swasta (IPS), Rektor untuk Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Pengarah Bahagian Matrikulasi untuk semua Kolej Matrikulasi.

- 2. Adakah guru/pensyarah perlu hadir bertugas apabila sekolah/institusi pendidikan ditutup?**

Tidak. Guru/pensyarah hendaklah bekerja dari rumah (BDR).

Semua guru/pensyarah dikehendaki berada di stesen tempat bertugas masing-masing dan sentiasa bersedia sekiranya diarah hadir bertugas mengikut arahan Ketua Jabatan.

3. Adakah Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) perlu hadir bertugas apabila sekolah/institusi pendidikan ditutup?

Tidak. AKP hendaklah bekerja dari rumah (BDR). Semua AKP dikehendaki berada di stesen tempat bertugas masing-masing dan sentiasa bersedia sekiranya diarah hadir bertugas oleh Ketua Jabatan.

4. Siapakah yang perlu hadir ke sekolah/institusi pendidikan ketika sekolah/institusi pendidikan ditutup?

- i. Pekerja perkhidmatan perlu (*essential services*) termasuk pekerja pembersihan dan pengawal keselamatan; dan
- ii. Warden asrama dan pekerja dewan makan asrama sekiranya terdapat murid/pelajar yang kekal tinggal di asrama.

5. Berapa lamakah tempoh sekolah/institusi pendidikan yang berada di kawasan zon merah perlu ditutup?

14 hari. Ini adalah bagi membantu memutuskan rantai jangkitan wabak COVID-19. Tarikh pembukaan semula sekolah/institusi pendidikan adalah bergantung kepada nasihat dan pandangan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan KKM.

B. PENGURUSAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)

6. Adakah PdP perlu dilaksanakan bagi sekolah/institusi pendidikan yang ditutup?

Ya. Dalam tempoh penutupan sekolah/institusi pendidikan ini, pentadbir akan memastikan guru/pensyarah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) mengikut kesesuaian guru/pensyarah dan murid/pelajar. Manual PdPR boleh dimuat turun di portal rasmi KPM www.moe.gov.my.

7. Adakah sekolah/institusi pendidikan dibenarkan untuk menjalankan peperiksaan antarabangsa yang dikawal selia oleh badan peperiksaan antarabangsa semasa sekolah/institusi pendidikan ditutup?

Ya. Calon perlu mendapatkan surat kebenaran menduduki peperiksaan daripada sekolah/institusi pendidikan sebagai bukti pengesahan. Pelaksanaan peperiksaan perlu mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ditetapkan.

8. Adakah sekolah dibenarkan untuk menunda Peperiksaan Percubaan SPM apabila sekolah diarahkan tutup?

Ya. Sekolah yang terlibat boleh menjadualkan semula peperiksaan tersebut ke suatu tarikh yang bersesuaian

9. Adakah sekolah boleh mengunci masuk data Peperiksaan Percubaan SPM jika sekolah diarahkan tutup?

Ya. Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) dibuka sehingga 31 Disember 2020.

C. PENGURUSAN ASRAMA SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN

- 10. Adakah semua murid/pelajar yang tinggal di asrama boleh pulang ke rumah apabila arahan penutupan sekolah/institusi pendidikan dikeluarkan?**

Ya. Walau bagaimanapun, murid/pelajar yang menunggu untuk diambil ibu bapa/penjaga atau murid/pelajar yang ingin terus kekal berada di asrama sekolah/institusi pendidikan sepanjang tempoh penutupan sekolah/institusi pendidikan akan berada di bawah penjagaan warden asrama. Keperluan makan dan minum murid/pelajar sepanjang tempoh tersebut akan disediakan oleh pihak sekolah/institusi pendidikan.

- 11. Adakah ibu bapa/penjaga yang berada di kawasan PKPB/PKPD dibenarkan mengambil anak/anak jagaan di asrama?**

Ya. Ibu bapa/penjaga dibenarkan untuk datang menjemput atau menguruskan perjalanan pulang anak/anak jagaan mereka yang berada di asrama sekolah/institusi pendidikan tertakluk kepada Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah dalam Norma Baharu.

D. PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU DAN KOLEJ MATRIKULASI

- 12. Bagaimanakah pelaksanaan PdP sepanjang tempoh IPG/KM ditutup?**

PdP dilaksanakan secara dalam talian (*online*) sepenuhnya.

13. Adakah pelajar boleh kekal berada di kolej kediaman sepanjang tempoh IPG/KM ditutup?

Ya.

14. Adakah kafeteria dan kedai runcit di IPG/KM beroperasi?

Ya.

-TAMAT-